



SERI PUSAKA

Rasulullah Juga Pencinta Sastera

Oleh **Muhamad Syazwan Hakim Jamil**

Diterbitkan pada 14 Ogos 2026, 11:18

A⁺A⁻A⁰

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram DBPMalaysia**

Sempena bulan Maulidur Rasul, Muhamad Syazwan Hakim Jamil menampilkan betapa dekatnya Nabi Muhammad SAW dengan kesusasteraan.

“Baginda menghargai bahasa yang indah dan benar, mendengar syair, menemukan hikmah di dalamnya, serta membimbing penyair supaya membela kebenaran ...”

Menjelang sambutan Maulidur Rasul pada 12 Rabiulawal, lazimnya kita mengenang Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat, pendidik, pemimpin, suami, sahabat, dan negarawan. Semua sisi tersebut wajar diteladani kerana Baginda ialah contoh ikutan terbaik bagi manusia. Namun begitu, tamadun tidak dibina oleh hukum dan institusi semata-mata. Tamadun turut dibentuk oleh bahasa, cerita, perumpamaan, dan ungkapan indah yang menggerakkan jiwa. Di sinilah terdapat satu sisi Baginda yang jarang-jarang dibicarakan, iaitu bagaimana hubungan Rasulullah SAW dengan dunia sastera.

IKLAN

Adakah terlalu berlebihan untuk menyebut bahawa Baginda sebagai pencinta sastera? Jika ungkapan itu bermaksud Baginda seorang penyair atau pengarang karya sastera, tentu sekali tidak tepat. Namun, jika yang dimaksudkan ialah Baginda menghargai bahasa yang indah dan benar, mendengar syair, menemukan hikmah di dalamnya, serta membimbing penyair supaya membela kebenaran, ungkapan itu mempunyai asas yang kukuh dalam hadis dan sirah. Daripadanya, kita memahami pandangan kenabian yang luas terhadap seni kata.

Allah SWT menegaskan dalam *Surah Yasin*, ayat 69:

Terjemahan: “Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya dan bersyair itu tidaklah layak baginya. Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan dan bacaan yang jelas.”

IKLAN

Surah al-Haqqah, ayat 41 – 43 pula menguatkan penafian tersebut:

وَمَا هُوَ يَقُولُ شَاعِرٌ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ (41) وَلَا يَقُولُ كَاهِنٌ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ (42) تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ
الْعَالَمِينَ (43)

Terjemahan: “Dan al-Quran itu bukanlah perkataan seorang penyair; sedikit sekali kamu beriman. Dan bukan pula perkataan seorang tukang tilik; sedikit sekali kamu mengambil peringatan. Ia diturunkan daripada Tuhan sekalian alam.”

Penegasan tersebut muncul ketika kaum musyrikin cuba menjelaskan wahyu melalui kategori budaya yang mereka kenali. Mereka menuduh Nabi Muhammad SAW sebagai penyair, tukang tilik atau ahli sihir supaya masyarakat menganggap al-Quran sekadar hasil kreativiti manusia. Ayat-ayat ini menolak bukan sahaja tuduhan terhadap peribadi Baginda, bahkan kekeliruan tentang sumber dan kedudukan al-Quran.

IKLAN

Dalam kerangka akidah, sempadan antara wahyu dengan karya manusia mesti dipelihara. Al-Quran ialah kalam Allah, bukannya ciptaan minda Rasulullah SAW, sedangkan Baginda ialah utusan yang menyampaikan wahyu dengan amanah. Imam Abu Mansur al-Maturidi dalam *Ta'wīlāt Ahl al-Sunnah* menjelaskan bahawa ayat tersebut menjawab tuduhan kaum musyrikin bahawa Baginda seorang penyair dan al-Quran ialah syair ciptaannya. Hakikat bahawa syair bukan sebahagian daripada tabiat Baginda turut mematahkan dakwaan bahawa al-Quran direka oleh Baginda Nabi SAW.

Namun begitu, tidak menjadi penyair bukan bererti memusuhi syair. Ayat itu membezakan wahyu daripada puisi dan bukannya mengharamkan puisi sebagai suatu bentuk seni. Ketinggian mukjizat al-Quran tidak menuntut kita merendahkan seluruh khazanah sastera manusia. Sebaliknya, kedudukan wahyu yang jelas membolehkan karya manusia dinilai secara adil tanpa mencampuradukkannya dengan kalam Ilahi.

Rasulullah SAW memberikan neraca yang ringkas tetapi mendalam menerusi sabda Baginda:

إِنَّ مِنَ الشَّعْرِ حِكْمَةً

Terjemahan: “Sesungguhnya sebahagian syair mengandungi hikmah.”
 (Riwayat al-Bukhari)

Perkataan ‘sebahagian’ dalam hadis ini membawa pengertian yang sangat bermakna. Baginda tidak memuji semua syair secara pukal, tetapi tidak pula menghukum keseluruhannya. Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam *Fath al-Bari* menghuraikan hikmah sebagai kata-kata benar yang menepati hakikat. Hal itu juga merangkumi nasihat, perumpamaan dan ungkapan bermanfaat yang menghalang manusia daripada kebodohan dan keburukan.

Neraca tersebut terlihat pada penilaian Baginda terhadap satu bait puisi Labid bin Rabi‘ah:

Rasulullah SAW menyifatkannya sebagai kata-kata paling benar yang pernah diucapkan oleh seorang penyair: “Kata-kata paling benar yang pernah diucapkan oleh seorang penyair ialah kata-kata Labid: ‘Ketahuilah, segala sesuatu selain Allah pasti binasa.’” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Baginda mengenal pasti pusat kebenaran dalam bait tersebut, iaitu segala yang diciptakan bersifat fana sedangkan hanya Allah SWT kekal tanpa kesudahan. Keindahannya bukan sekadar terletak pada susunan dan irama, tetapi pada kebenaran tauhid yang dibawanya.

Di sini, terbina suatu prinsip penting. Nilai kesusasteraan tidak terhenti pada kemerduan bunyi, ketajaman metafora atau kekuatan emosi. Karya yang indah mencapai darjat hikmah apabilaindahannya menjadi wadah pada kebenaran serta membimbing manusia melihat kehidupan dengan lebih jernih.

Seratus Bait daripada Penyair yang Tidak Beriman

Satu lagi peristiwa yang jarang diketengahkan diriwayatkan dalam Sahih Muslim. Ketika al-Sharid bin Suwaid menunggang bersama-sama Rasulullah SAW, Baginda bertanya sama ada beliau menghafaz syair Umayyah bin Abi al-Salt. Setelah al-Sharid membacakan sebait, Baginda bersabda, “Teruskan.” Demikianlah Baginda meminta tambahan sehingga al-Sharid membacakan seratus bait.

Umayyah bukan seorang Muslim, tetapi sebahagian puisinya berbicara tentang keesaan Allah, kebangkitan dan pembalasan. Imam al-Nawawi dalam al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim menerangkan bahawa Baginda menyukai kandungan tersebut dan meminta supaya bacaan diteruskan kerana di dalamnya terdapat pengakuan terhadap tauhid dan hari kebangkitan. Pengakuan tentang tauhid dalam syair Umayyah dapat dilihat pada bait yang dinisbahkan kepadanya seperti berikut:

إِلَهَ الْعَالَمِينَ وَكُلِّ أَرْضٍ *** وَرَبُّ الرَاسِيَاتِ مِنَ الْجِبَالِ

تَنَاهَا وَابْتَنَى سَبْعًا شِدَادًا *** يَلَا عَمَدٍ يُرَيِّنَ وَلَا جِبَالِ

Terjemahan: “Tuhan sekalian alam dan seluruh bumi, serta Tuhan segala gunung yang terpancang kukuh. Dialah yang membinanya, lalu menegakkan tujuh petala langit yang teguh tanpa tiang yang kelihatan dan tanpa tali.”

Dalam bait syair yang lain, Umayyah menyebut tentang kefanaan manusia dan kehidupan dunia:

فَكُلُّ مَعْمَرٍ لَا بُدَّ يَوْمًا *** وَذِي دُنْيَا يَصِيرُ إِلَى زَوَالٍ

Terjemahan: “Setiap insan yang dipanjangkan usianya pasti pada suatu hari menemui ajal, dan setiap pemilik kesenangan dunia akhirnya menuju kehancuran. Segala-galanya akan lenyap dan menjadi usang setelah pernah segar dan baharu, kecuali Dia Yang Maha Kekal lagi Maha Suci, Pemilik segala keagungan.”

Peristiwa ini memperlihatkan keluasan jiwa Rasulullah SAW. Baginda mengiktiraf kebenaran dalam karya seseorang tanpa menerima pegangan penciptanya. Pada masa yang sama, bakat dan intuisi keagamaan bukan pengganti iman. Syair Umayyah menghampiri kebenaran, tetapi keindahan kata-kata sahaja tidak memadai tanpa ketundukan hati kepada tauhid yang sebenar.

Sikap ini mengajar kita agar tidak menilai karya semata-mata berdasarkan kelompok pengarangnya. Kebenaran boleh dihargai daripada siapa pun, tetapi tetap perlu disaring dengan neraca wahyu. Menghargai satu kebenaran tidak bererti menerima seluruh pemikiran pengarangnya, sebagaimana menolak pegangan seseorang tidak menuntut kita menafikan setiap kebaikan dalam karyanya. Inilah sikap kritis yang amat diperlukan dalam membaca sastera.

Hassan Bin Thabit dan Puisi yang Membela Nabi

Hubungan Rasulullah SAW dengan sastera menjadi lebih jelas melalui Saidina Hassan bin Thabit r.a. Dalam masyarakat Arab yang kuat budaya puisinya, syair dapat menaikkan nama sesebuah kabilah, menjatuhkan maruah lawan dan membentuk pandangan umum. Apabila penyair Quraisy menggunakan syair untuk menghina Rasulullah SAW dan menyerang umat Islam, Baginda memberikan ruang kepada Hassan untuk menjawab serangan tersebut.

Diriwayatkan dalam *Sahih Muslim* bahawa ‘A’ishah r.a. berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda kepada Hassan: “Sesungguhnya Ruh al-Qudus (Jibrail) sentiasa menguatkan kedudukanmu selama engkau membela agama Allah dan Rasul-Nya.” Baginda turut bersabda: “Hassan telah membalas celaan mereka melalui syairnya, lalu dia mengubat hati kaum Mukminin dan turut memperoleh kelegaan bagi dirinya sendiri.”

Namun demikian, kebebasan berkarya itu disertai dengan tanggungjawab. Oleh sebab Rasulullah SAW juga daripada kalangan Quraisy, Baginda mengingatkan Hassan supaya serangannya tidaklah sampai kepada tahap menyentuh nasab Baginda. Baginda bersabda: “Janganlah engkau terburu-buru. Sesungguhnya Abu Bakar ialah orang Quraisy yang paling mengetahui

nasab mereka dan aku juga mempunyai hubungan keturunan dengan mereka. Tunggalah sehingga beliau menjelaskan tentang nasabku



Setelah itu, Hassan mendapatkan daripada Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. tentang salasilah Quraisy. Lalu, Hassan melantunkan puisi yang sangat indah demi membela Baginda Nabi SAW:

فمن يهجو رسول الله منكم *** ويمدحه وينصره سواء

وجبريل رسول الله فينا *** وروح القدس ليس له كفاء

Terjemahan: “Sesiapa antara kalian yang mencela Rasulullah, sedangkan yang lain memuji dan membela Baginda, adakah kedua-dua mereka itu sama? Jibrail, utusan Allah, berada bersama kami. Dialah Ruh al-Qudus yang tiada tandingannya.”

Peristiwa ini bukan lesen untuk mencaci sesiapa sahaja termasuk nasab keturunan atas nama agama tanpa usul periksa terlebih dahulu. Setiap pembelaan terhadap serangan yang nyata dan pembelaan itu tetap dipandu ketepatan fakta serta batas keadilan. Sastera bukan seni menghina untuk memuaskan ego, akan tetapi merupakan wahana yang mempertahankan maruah dan kebenaran.

Maulidur Rasul dan Kesenian Kata

Warisan Nabawi ini sangat relevan ketika kata-kata bergerak lebih pantas daripada sebelumnya. Puisi, novel, cerpen, drama, filem, dan kandungan digital mampu membentuk emosi masyarakat sebelum hujah ilmiah sempat dibaca. Umat Islam hari ini tidak cukup untuk sekadar bertanya sama ada sesebuah karya menarik atau tular. Kita juga perlu bertanya: Adakah karya itu jujur? Adakah ia membawa hikmah? Apakah kesannya terhadap jiwa dan masyarakat?

Hal ini tidak bermakna kesusasteraan Islam mesti menjadi khutbah berima atau slogan yang kehilangan daya seni. Karya boleh menyelami luka, keraguan, kehilangan, ketidakadilan, dan kerumitan jiwa manusia dengan berani. Namun begitu, keberanian seni tidak seharusnya memutuskan hubungan dengan kebenaran dan adab. Rasulullah SAW mengajar bahawa bakat perlu dibimbing, kebenaran daripada sesiapa pun boleh dihargai, fakta mesti dipelihara dan seni kata boleh digerakkan untuk melawan kezaliman.

Menyambut Maulidur Rasul bererti mengenali keluasan petunjuk Baginda, termasuk cara Baginda membimbing kata-kata yang berseni dengan arah dan etika yang berpandukan wahyu. Baginda bukan penyair, tetapi mengetahui betapa tinggi nilai syair apabila dimanfaatkan pada tempatnya. Baginda tidak menerima semua karya secara melulu, namun tidak juga menafikan bakat manusia di dalam berpuisi.

Teladan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa Islam tidak menghapuskan seni kata, sebaliknya memberikannya neraca, jiwa dan arah. Demikianlah

Muhamad Syazwan Hakim Jamil merupakan Guru Bahasa di Jabatan Bahasa al-Quran, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh.

penyair

pilihan

pilihan utama

Rasulullah

sastra Islam

Hak cipta terpelihara © JendelaDBP. Sebarang salinan tanpa kebenaran daripada Pengarah Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan dikenakan tindakan undang-undang.

Buletin JendelaDBP

Inginkan berita dan artikel popular harian terus ke e-mel anda?

E-mel

Langgan

Yang Berkaitan

SELAYANG PANDANG



Naluri Kemasyarakatan dalam Dua Buah Sajak Antologi *Kubentang Sehelai Peta*

7 Ogos 2026, 08:00

SELAYANG PANDANG



The Odyssey, Adaptasi yang Berani Mengkhianati Teks Asal?

4 Ogos 2026, 11:56

SELAYANG PANDANG



Belajar menulis cerpen dengan ZN

BERITA





**“Penulis Bermula sebagai Pembaca” –
Salina Ibrahim**

25 Mei 2026, 14:40



**UPSI, Timor-Leste dan Pejabat Daerah
dan Tanah Rembau Ungguli SePENA 2026**

23 Mei 2026, 13:26

PORTAL E-MAJALAH

Dewan Bahasa
Dewan Sastra
Dewan Masyarakat
Dewan Budaya
Dewan Ekonomi
Dewan Kosmik
Dewan Tamadun Islam
Tunas Cipta

PAUTAN PENTING

Laman Web DBP
PRPM
Klik Web
Akademi DBP
eJurnal DBP
Khidmat Nasihat DBP
Dasar Privasi
Polisi Pemulangan dan Pembayaran Semula

MEDIA SOSIAL DBP

 Facebook
 Instagram
 Twitter
 YouTube
 TikTok
 Telegram

DBPNIAGA

 DBPNiaga

[Facebook DBPNiaga](#)[Instagram DBPNiaga](#)

HUBUNGI KAMI

Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

 03-2147 9000, 03-2147 9378

 jendeladbp@dbp.gov.my

 [Aduan](#)

Statistik Capaian

Tahun 2026: 5,848,012

Bulan Ogos: 327,953

Hari ini: 21,587

Hak Cipta 2026 © JendelaDBP